



## MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Majlis Bandaraya Kuantan untuk mengemukakan tawaran buat masa ini bagi bekalan berikut.

BIL	TAJUK SEBUTHARGA	HARGA DOKUMEN	LESEN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP
1	Perkhidmatan membekal, mencetak dan mengepos Bil dan Notis E Cukai Taksiran Am Majlis Bandaraya Kuantan Bagi Tahun 2023 dan 2024. <b>(MBK/W/SH:116/2022)</b>	<b>RM 30.00</b> Bayaran tunai/kiriman wang/bank draf (daripada Bank Tempatan Berlesen)	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang – <b>221606 dan 221710</b>	Kaunter Berpusat Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan	<b>19 Jun 2023</b> ( Isnin) jam <b>12.00 tengahari</b> .

1. Dokumen tawaran boleh dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **12 Jun 2023 (Isnin)** di kaunter berpusat **Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur**.
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Pembekal Majlis Bandaraya Kuantan, Sijil Kementerian Kewangan** dan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** semasa pembelian dokumen sebutharga. Semua penama pada sijil-sijil syarikat akan melalui proses semakan tunggakan (i-clean) terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan bertulis di sudut kiri atas, tajuk sebutharga dan dikembalikan kepada:-  
**Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuantan, Kaunter Berpusat, Kompleks Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengahari** pada atau sebelum **19 Jun 2023 (Isnin)**
4. Pihak MBK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang ditanggung oleh penyebutharga untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Cukai Taksiran, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Kuantan** di talian : **09-5121555 / 09-5121666 samb. 7644/7650**.